From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 12 February, 2023 3:19:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LIGA BOLA SEPAK IPT: MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR BERI SOKONGAN KEPADA UUM FC

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 FEBRUARI 2023 / 21 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

LIGA BOLA SEPAK IPT: MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR BERI SOKONGAN KEPADA UUM FC



UUM ONLINE: UUM FC telah berkongsi mata dengan UPNM FC pada aksi pusingan awal Liga Bola Sepak IPT Divisyen 1 2022/2023 yang berlangsung di Stadium UUM, baru-baru ini.

Perlawanan menunjukkan rekod keputusan seri tanpa jaringan dari kedua pasukan.

Turut hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor, Prof. Dr. Shahimi Mohtar bersama Pengurus Pasukan, Prof. Dr.

Rusdi Omar.

Beliau turut memberikan kata semangat kepada pemain bola sepak UUM agar terus memberikan persembahan terbaik dan mengekalkan momentum bagi mencapai kemenangan.

Terkini, pasukan UUM FC berjaya menewaskan pasukan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dengan jaringan 4-0 di Stadium USM, malam tadi.

Perlawanan seterusnya pada 18 Februari bakal menyaksikan UUM FC menentang MMU di Stadium MMU dan pada 25 Februari, UUM FC bertemu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) di Stadium Saidina Hamzah, IIUM.

Liga Bola Sepak IPT Divisyen 1 2022/2023 telah berlangsung sejak Disember tahun lalu dan dijadualkan berakhir pada 25 Februari nanti.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.